

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

12 JANUARI 2021

1. Batal AP syarikat ingkar syarat
2. 5 Strategi, 48 pelan lincer ketelusan proses permit
3. Kami bukan gerila pembunuh anjing
4. Permit batal jika import daging tanpa sijil halal
5. Berenang Tarik 13 lembu sado
6. Batal AP kartel terbukti langgar syarat

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Kartel daging import

Batal AP syarikat ingkar syarat

Kementerian bertindak selepas mahkamah putuskan pihak bersalah

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membatalkan permit import (AP) terhadap 'kartel' yang terbukti melanggar syarat pengimportan daging sejuk beku.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya masih menunggu dan akan bertindak membatalkan AP syarikat terbabit dalam isu itu selepas mahkamah memutuskan pihak bersalah.


Katanya, ia berikutan beberapa kes masih dalam tindakan mah-

kamah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga masih menjalankan siasatannya.

"Kementerian tidak akan melindungi dan bertolak ansur dengan syarikat AP dan kakitangan kementerian yang terbabit dengan penyeludupan pengimportan daging beku ini," katanya kepada media selepas menyampaikan amanat di kementeriannya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Sebelum ini, *BH* dan *NST* mendedahkan, kegiatan kartel diper-



Ronald melancarkan Tabung Akrab MAFI Care untuk membantu mangsa banjir selepas menyampaikan amanat di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

cava! menyogok sesetengah kakitangan kerajaan termasuk pegawai kanan agensi tertentu, bagi melepasi pemeriksaan bekalan daging import yang diragui status halalnya di pintu masuk negara.

Ronald berkata, setakat ini pihaknya belum membatalkan sebarang AP syarikat terbabit, namun berharap siasatan secara me-

nyeluruh dapat diteruskan supaya kes itu dapat diselesaikan segera.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JVS) juga sedang dalam proses meneliti senarai syarikat pemegang AP dan sekiranya terbabit kementerian itu tidak akan teragak-agak membatalkannya.

"Kalau mereka melanggar syarat atau didapati bersalah dalam penyeludupan dan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP), kita akan ambil tindakan."

"Semua agensi bawah kementerian ini akan terus menggiatkan usaha bagi membendung kartel penyeludupan daging beku ini," katanya.

5 strategi, 48 pelan lancar ketelusan proses permit

Putarajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melancarkan Kalam Anti Rasuah (KARMA 2021-2025) merangkumi lima strategi dan 48 pelan tindakan yang antaranya untuk mengukuhkan ketelusan dan kecekapan proses pengurusan permit, lesen dan kuota.

Turut terkandung ialah strategi meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti tatacara penyiasatan dan pendakwaan serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan bantuan dan insentif.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang melancarkan KARMA 2021-2025 dengan visi 'Peneraju Pertanian dan Industri Makanan Berintegriti, Telus dan Mesra Rakyat' berkata, pelan itu bertujuan merealisasikan aspirasi kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

Katanya, berdasarkan pelan itu, kementerian mengenal pasti lima bidang berisiko untuk ditangani, antaranya pengurusan perolehan awam, penguru-

 **KARMA**
2021-2025
akan dilaksana
dan diukur
keberkesanan
bagi tempoh
lima tahun.

Ronald Kiandee,
Menteri Pertanian
dan Industri Makanan

san permit lesen dan kuota serta penguatkuasaan dan pendakwaan padu beras.

"KARMA 2021-2025 ini akan dilaksana dan diukur keberkesanan bagi tempoh lima tahun bermula tahun ini," katanya ketika berucap melancarkan pelan itu di kementeriannya, di sini semalam.

Sementara itu, Kiandee berkata, pendekatan baharu dan di luar kebiasaan diperlukan bagi memastikan kementerian dapat menghadapi cabaran sekuriti makanan, termasuk cabaran disebabkan COVID-19.

"Kita mesti terus mem-

berikan penekanan yang lebih terhadap penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden, pertanian tepat, agrobotik, aplikasi berasaskan *internet of things* (IoT) dan sebagainya sejajar dengan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Beliau mahu kementerian mesra perniagaan dan berupaya menarik pelaburan ke dalam sektor agromakanan yang memberikan sumbangan kepada ekonomi negara.

Kiandee turut meminta kepimpinan tertinggi kementerian, jabatan dan agensi menyemak semula peraturan dan prosedur sedia ada yang tidak relevan, bertindih serta membebaskan supaya dipermudahkan selaras pembudayaan dan amalan norma baharu pasca COVID-19.

"Semua jabatan dan agensi MAFI terbabit perlu bekerja secara berpasukan bagi memastikan projek yang dilaksanakan memenuhi kehendak pihak berkepentingan," katanya.

BERNAMA

'Kami bukan gerila pembunuh anjing'

SHAH ALAM – Para peniaga di Pusat Komersial di Seksyen U12 di sini kesal dilabelkan ahli gerila pembunuh anjing oleh satu kumpulan pencinta haiwan, menerusi laman rasmi Facebook mereka, baru-baru ini.

Kesemuanya bermula apabila seorang peniaga di kawasan berkenaan, Muhd. Zikri Mui, 48, parah di kepala akibat diserang sekumpulan 20 anjing liar.

Wakil peniaga pusat komersial berkenaan, Muhammad Fathi Ismail berkata, susulan kejadian tersebut pihaknya telah membuat aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berhubung ancaman anjing liar sebelum pihak berkuasa tempatan itu menangkap kesemua haiwan itu.

Katanya, seorang daripada peniaga kemudiannya sekadar bergurau mengelarkan kami gerila khas dalam memastikan tiada anjing liar di kawasan ini menerusi hantarannya di akaun Facebooknya.

"Perkara itu kemudiannya didapati dimanipulasi kumpulan pencinta haiwan itu dengan memaparkan suntingan gam-

bar operasi tangkapan MBSA selain anjing mati diracun serta gambar kami sedang berbincang di satu sudut.

"Ia jadi semakin hangat apabila dijadikan berita di dalam akaun Facebook pencinta haiwan lain dengan memaparkan kami sebagai pertubuhan yang berdaftar untuk membanteras anjing dengan cara kejam," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Seksyen U12 semalam.

Sehubungan itu, Muhammad Fathi berharap posting dan gambar berkenaan itu dipadam atau kesemua 15 peniaga di kawasan itu mengambil tindakan undang-undang.

"Insiden itu tidak sepatutnya disensasikan menunjukkan seolah-olah kami adalah gerila dengan menggunakan kekerasan kepada anjing," jelasnya.

Sementara itu, Muhd. Zikri menzahirkan rasa syukur dibantu para peniaga dalam serangan haiwan itu selain menghantarnya segera mendapatkan rawatan di sebuah hospital.

"Saya harap perkara ini tidak berlaku lagi kepada orang lain," katanya.

So one of our volunteers has been feeding and taking care of the dogs in Shah Alam in the area where the recently formed anti-dog guerilla group had arranged for their capture. Apparently this turn of events came about after a new shop was opened there. A couple of puppies from the area found homes through our adoption drive and our disabled doggo Meenu was also rescued there as a pup. The dogs there have also been neutered and some of them rehomed. One dog had also been found poisoned there not long ago which our volunteer buried. They are tame and hence the allegation that they chased a man resulting in his forehead becoming injured holds no water.



Azhar Chef Tart is with Efad Ismail.

Perbincangan menubuhkan "Team Gerila Khas" menentang anjing2 liar di seksyen U12 Taman Cahaya Alam..



Dalam siri serangan anjing tersebut. Menurut Team

TANGKAP layar Facebook satu kumpulan pencinta haiwan yang didakwa menimbulkan fitnah kepada peniaga di Shah Alam semalam.





KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan akan membatalkan permit import kepada syarikat yang menyalahgunakan logo halal. - GAMBAR HIASAN

Permit batal jika import daging tanpa sijil halal

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedia membatalkan permit import (AP) syarikat yang didapati terlibat dalam kartel pengedaran daging sejuk beku tanpa sijil halal sah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiangdee menegaskan, pihaknya tidak akan bertolak ansur jika ada kakitangan kementerian itu sendiri yang terbabit dalam isu berkenaan.

"Kita tidak akan berkompromi sekiranya mendapati ada dalam kalangan warga kementerian ini sendiri yang terlibat selain akan membatalkan AP terhadap syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan Amanat Tahun 2021 dan melancarkan Kalam Antirasuah Kementerian itu di

Wisma Tani di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan Sijil MS ISO 9001 : 2015 kementerian tersebut bagi tahun 2020 hingga 2023 dan juga melancarkan Tabung Akrab MAFI Prihatin.

Mengulas lanjut, Kiangdee berkata, siasatan terperinci masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti kakitangan kementerian itu yang terbabit dalam kartel berkenaan untuk diambil tindakan.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh dedah sebab nanti ganggu siasatan, tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang meneliti isu ini," jelas beliau.

Isu 'panas' itu mula tular selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) melakukan serbuan di sebuah gudang di Senai, Johor pada 1 Disember tahun lalu.

Operasi hasil risikan agensi itu menemui 1,500 tan daging bernilai RM30 juta yang diseludup dari Argentina, Brazil, China dan Ukraine dengan menggunakan sijil berlogo halal diragui.

Susulan itu, dua pengarah syarikat Raihanah Cold Storage Sdn. Bhd. ditahan dan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 30 Disember lalu di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Menyentuh tindakan ke atas syarikat terlibat, beliau memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) turut menilai senarai semua pengimport daging sejuk beku.

Kiangdee turut memberi jaminan bahawa pihak yang terlibat dalam isu kartel tersebut akan diambil tindakan segera dan tiada pihak akan terlepas bagi memulihkan keyakinan rakyat setelah isu itu terbongkar awal bulan lalu.

Berenang tarik 13 lembu sado



LIMA pemuda meredah banjir untuk menyelamatkan lembu, semalam.

Jerantut: Lima belia kampung Paya Rajin di sini, bertindak berani meredah air sedalam tiga meter untuk menyelamatkan 13 lembu sado daripada tenggelam banjir.

Dalam kejadian dua hari lalu, mereka berhempas-pulas menarik lembu sado itu sambil berenang.

Pemilik lembu berkenaan, Mohamad Irwan Shah Ismail, 28, berkata, air mula naik di sekeliling kawasan kandang lembu menyebabkan dia terpaksa memindahkan ternakannya.

"Saya memanggil empat orang belia kampung ini untuk membantu saya memindahkan lembu sado berkenaan," katanya yang memelihara lembu itu sejak dua tahun lalu.

Menurutnya, mereka ter-

paksa meredah banjir kerana tiada perahu untuk membawa ternakan berkenaan ke kawasan lebih tinggi dan selamat.


Katanya, kerja menarik lembu itu keluar dari kandang agak mudah tetapi untuk membawanya meredah banjir agak sukar kerana lembu sasa itu tidak mahu bergerak.

"Kami tiada pilihan, selain terpaksa berenang dalam air banjir yang kedalamannya hampir tiga meter sambil menarik lembu sasa berkenaan termasuk dua ekor anaknya.

"Kami berlima terpaksa berenang sambil menarik lembu itu sejauh 300 meter dan mengambil masa kira-kira dua jam lebih untuk sampai ke kawasan selamat," katanya.



ANTARA lembu yang diselamatkan.



Batal AP kartel terbukti langgar syarat

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan membatalkan permit import (AP) terhadap kartel yang terbukti melanggar syarat pengimportan daging sejuk beku.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, pihaknya masih menunggu dan akan bertindak membatalkan AP syarikat terbabit selepas mahkamah memutuskan pihak yang bersalah.

Katanya, ia berikutan beberapa kes masih dalam tindakan mahkamah selain Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga masih menjalankan siasatan.

"Kementerian tidak akan melindungi dan bertolak ansur dengan syarikat AP dan kakitangan kementerian yang terbabit dengan penyeludupan pengimportan daging beku ini," katanya kepada media selepas menyampaikan amanat di kementerian di sini, semalam.

Pada program itu, beliau melancarkan Kalam Anti Rasuah Mafi (Karma) 2021-2025 yang juga pelan dibangunkan khusus seba-



RONALD

gai usaha memerangi rasuah di kementerian terbabit.

Ronald berkata, setakat ini pihaknya masih belum membatalkan sebarang AP syarikat terbabit namun pihaknya berharap siasatan secara menyeluruh dapat diteruskan supaya kes itu diselesaikan segera.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sedang dalam proses meneliti senarai syarikat pemegang AP dan sekiranya didapati terbabit, kementerianya tidak akan teragak-agak membatalkannya.